

Terms and Conditions

AmBank (M) Berhad and AmBank Islamic Berhad: Motor Insurance/Takaful e-Voucher Campaign Campaign Period: 1 October – 31 October 2021

REMINDER: The Eligible Customer (as defined below) is hereby reminded to read and understand the terms and conditions below which is available at <https://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions>. If the Eligible Customers do not understand any of the terms and conditions stated herein, the Eligible Customers are advised to discuss with any of the Bank's authorized representative.

1. Definition

For the purpose of this Terms and Conditions, the following words and expressions shall have the meanings assigned to them except where the context otherwise requires:

“**AmOnline**” means the AmBank Online Banking and Mobile Banking Service(s) of AmBank Group made available by the Bank.

“**Bank**” means AmBank (M) Berhad (Company No: 19690100016 (8515-D)) and AmBank Islamic Berhad (Company No: 199401009897 (295576-U)), both companies incorporated under the laws of Malaysia and having their registered address at Level 22, Bangunan AmBank Group, No.55, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

“**Campaign**” means **Motor Insurance/Takaful* e-Voucher Campaign** organised by the Bank in accordance with the terms and conditions stipulated herein.

“**Eligible Customer**” means all new and existing to the Bank's customers who meet all the eligibility criteria as provided in Clause 3 herein.

“**Insurance Company**” means AmGeneral Insurance Berhad for conventional policy.

“**Takaful Operator**” means Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad or Zurich General Takaful Malaysia Berhad for takaful certificate.

“**Prior Notice**” means notice by the Bank of certain facts or of a particular state of affairs of at least fourteen (14) calendar days.

2. Campaign Period

The Campaign will run from **1 October 2021 to 31 October 2021** (both dates inclusive) (“Campaign Period”) or such other period as may be determined by the Bank with Prior Notice to Eligible Customers.

*Conventional terminologies are applicable to AmBank product, whilst Islamic terminologies are applicable to AmBank Islamic product.

3. Eligibility

- 3.1 The Campaign is open to all **new and existing individual** customers of the Bank who are 18 years old and above and successfully purchase/renew individual motor insurance/takaful at Bank branch or AmOnline during Campaign Period. This Campaign is **NOT** applicable to non-individuals (i.e. sole-proprietorships, partnerships, charitable/non-profit organisations, corporate and commercial customers, etc)
- 3.2 Employees of the AmBank Group and their immediate family members (spouses, children, parents and siblings) are also eligible to participate in this Campaign.
- 3.3 Customer is responsible to provide a valid and accurate mobile number and full contact during the purchase/renewal of motor insurance/takaful to be eligible for the campaign. The same mobile number must stay valid and active during the fulfillment of the campaign as per fulfilment timeline stipulated in Clause 4.4. Should customer change the mobile number during the fulfillment of the campaign, customer may not be entitled to the Setel e-voucher.

4. Campaign Offer and Criteria

- 4.1 This Campaign is applicable to all private motor insurance/takaful plan issued by Insurance Company/Takaful Operator transacted via Bank's branch or AmOnline during Campaign Period, including new and renewal business, with minimum gross premium/contribution (excluding Stamp Duty and Service Tax) of Ringgit Malaysia Four Hundred and Fifty (RM 450).
- 4.2 Transaction via AmOnline is only applicable for purchase/renew of private motor **insurance plan**. Customer is advised to visit the Bank's branch for purchase/renew of private motor **takaful plan**.
- 4.3 Each eligible insurance policy/ takaful certificate will be entitled for **One (1) Setel e-voucher** depending on the insurance policy's/ takaful certificate's gross premium/contribution (excluding Stamp Duty and Service Tax) as stipulated in Table 1 below, which is valid for Petrol & Diesel usage only.

Table 1

Gross Premium/Contribution (excluding stamp duty and service tax)	Setel e-Voucher Value
RM 450 - RM 649	RM 10
RM 650 - RM 1,499	RM 50
RM 1,500 & Above	RM 100

- 4.4 Cancellation or Endorsement(s) performed or transacted during the Campaign period will **not** be eligible for the Campaign.
- 4.5 Setel e-voucher code will be distributed through SMS notification as stipulated in Table 2 below:

Table 2

Motor Insurance / Takaful Plan Issuance Period	Setel E-Voucher SMS Notification by
1 October 2021 – 31 October 2021	31 December 2021

- 4.6 The Setel e-voucher is not exchangeable for cash or any form of legal tender.
- 4.7 The validity date of Setel e-voucher will be shared via SMS notification.
- 4.8 Notwithstanding anything contained herein, the Bank reserves the right to substitute the Setel e-voucher with one of the similar type of items of equivalent retail value with Prior Notice of at least fourteen (14) calendar days to the customers.

5. General Terms and Conditions

- 5.1 By participating in this Campaign, the Eligible Customer(s) consent and agree to be bound by the terms and conditions herein. The Eligible Customer(s) is required to log on to the Bank's official website at <http://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions> for any Promotion updates or the latest terms and conditions, if any.
- 5.2 The Eligible Customer is required to sign all relevant standard documents of the Bank and comply with all terms and conditions in respect of in the relevant products under the Campaign, which are separate from these terms and conditions.
- 5.3 The Bank shall have the right to disqualify any Eligible Customer from participating in the Campaign if it finds or determines that:
- 5.3.1 The said Eligible Customer has provided untrue information or acted fraudulently in any manner during the entry process or at any time during the Campaign Period; or
- 5.3.2 The Eligible Customer has breached or potentially breached the terms and conditions herein.
- 5.4 This Campaign is not valid with other campaigns of the Bank. Hence, no other special, additional promotion shall be given under the Campaign.
- 5.5 The Bank shall have the right to vary, amend, delete or add to any of the terms and conditions set out herein, in whole or in any part from time to time including to vary the Campaign Period with Prior Notice. For avoidance of doubt, any cancellation, termination or suspension by the Bank of this Campaign shall not entitle the Eligible Customer to any claim or compensation against the Bank for any and all losses or damage suffered or incurred by the Eligible Customer as direct or indirect result of the cancellation, termination or suspension.
- 5.6 Any notice issued by the Bank will be posted on the Bank's official website at www.ambank.com.my or any of the Bank's branches and such notice shall be deemed as delivered and notified to the Eligible Customers.

- 5.7 The Bank's decision on all matters relating to the Campaign shall be final and binding on all Eligible Customers. No further correspondence or appeal will be entertained.
- 5.8 Under no circumstances will the Bank be held liable for any of the followings:
- 5.8.1 The Bank is not be liable for any default in respect of this Campaign due to any act of God, war, riot, strike, lockout, industrial action, fire, flood, drought, storm, technical or system failures or any event beyond the reasonable control of the Bank.
- 5.8.2 The Bank shall not be liable to any Eligible Customer for any damage of whatsoever nature or loss suffered (such as loss of goodwill, income or profits or consequential, direct or indirect, exemplary, incidental, punitive or special damages) howsoever arising in relation to participation in the Campaign, or the Bank exercising its rights pursuant to any of the Terms and Conditions herein except where such actions, claims, direct losses, damages and expenses were directly attributable to the Bank's gross negligence, willful default or fraud.
- 5.9 The Bahasa Malaysia version of this Terms and Conditions is also available at <https://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions>. In the event of any discrepancies or conflict in the interpretation of these terms and conditions, the English and Bahasa Malaysia versions of each of these terms and conditions shall be construed as equivalent, and each of the terms and conditions stipulated shall carry the same meaning.
- 5.10 All questions concerning the construction, validity, enforcement and interpretation of the terms and conditions stipulated herein shall be governed by, construed and enforced in accordance with the laws of Malaysia. The parties hereby submit to the jurisdiction of the Courts of Malaysia for the purpose of any suit, action or other proceeding arising out of or based on the terms and conditions herein.
- 5.11 For any assistance and/or feedback related to this Campaign, Eligible Customers may contact the Bank's Contact Centre from 7am-11pm daily (8.00 am to 8.00 pm during MCO period) by calling 03-2178 8888 or by e-mailing inquiries/feedback to customercare@ambankgroup.com.

Terma dan Syarat

AmBank (M) Berhad and AmBank Islamic Berhad: Kempen e-Baucar Insurans/Takaful Kenderaan Tempoh Kempen: 1 Oktober – 31 Oktober 2021

PERINGATAN: Pelanggan Yang Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) dengan ini diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat di bawah yang boleh didapati di <https://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions>. Sekiranya Pelanggan Yang Layak tidak memahami mana-mana terma dan syarat yang dinyatakan di sini, Pelanggan Yang Layak dinasihatkan untuk berbincang dengan mana-mana wakil Bank yang sah.

1. Definisi

Untuk tujuan Terma dan Syarat ini, perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan berikut hendaklah mempunyai makna yang ditentukan baginya melainkan sekiranya konteks memerlukan sebaliknya:

“**AmOnline**” bermaksud Perbankan AmBank Online dan Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih Kumpulan AmBank yang disediakan oleh Bank.

“**Bank**” bermaksud AmBank (M) Berhad (No. Syarikat: 19690100016 (8515-D)) dan AmBank Islamic Berhad (No. Syarikat : 199401009897 (295576-U)), kedua-dua syarikat diperbadankan di bawah undang-undang Malaysia dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, No. 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

“**Kempen**” bermaksud **Kempen e-Baucar Insurans/Takaful Kenderaan*** yang dianjurkan oleh Bank menurut terma dan syarat yang ditetapkan di sini.

“**Pelanggan Yang Layak**” bermaksud semua pelanggan Bank baharu dan sedia ada yang memenuhi semua kriteria kelayakan seperti yang dinyatakan dalam Klausa 3 di sini.

“**Syarikat Insurans/ Pengendali Takaful**” bermaksud AmGeneral Insurance Berhad untuk polisi konvensional atau Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad atau Zurich General Takaful Malaysia Berhad untuk sijil takaful.

“**Notis Terdahulu**” bermaksud notis daripada Bank berkenaan fakta-fakta tertentu atau keadaan tertentu, sekurang-kurangnya empat belas (14) hari kalendar.

2. Tempoh Kempen

Kempen akan berjalan bermula daripada **1 Oktober 2021 hingga 31 Oktober 2021** (termasuk kedua-dua tarikh) (“Tempoh Kempen”) atau tempoh lain yang seumpamanya sebagaimana

* Terminologi konvensional terpakai untuk produk AmBank, manakala terminologi Islamik terpakai untuk produk AmBank Islamic.

yang akan ditentukan oleh Bank dengan memberi Notis Terdahulu kepada Pelanggan Yang Layak.

3. Kelayakan

- 3.1 Kempen ini terbuka kepada semua **pelanggan individu Bank yang baharu dan sedia ada** yang berusia 18 tahun dan ke atas dan telah berjaya membeli/ memperbaharui insurans/ takaful kenderaan persendirian di cawangan Bank atau melalui AmOnline semasa Tempoh Kempen. Kempen ini **TIDAK** terpakai kepada bukan individu (iaitu pemilikan tunggal, perkongsian, organisasi kebajikan/ bukan untung, pelanggan korporat dan komersial, dsb)
- 3.2 Kakitangan Kumpulan AmBank dan ahli-ahli keluarga terdekat mereka (pasangan, anak-anak, ibu bapa dan adik-beradik) juga layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini.
- 3.3 Pelanggan bertanggungjawab untuk memberikan nombor telefon mudah alih yang sah dan benar serta maklumat-penuh semasa membeli/memperbaharui insurans/ takaful kenderaan untuk layak menyertai kempen. Nombor telefon mudah alih yang sama hendaklah kekal sah dan aktif semasa kempen berjalan sebagai memenuhi garis masa yang ditetapkan dalam Klausula 4.4. Sekiranya pelanggan menukar nombor telefon mudah alih semasa tempoh kempen, pelanggan tidak akan layak mendapat e-baucar Setel.

4. Tawaran Kempen dan Kriteria

- 4.1 Kempen ini terpakai kepada semua insurans/pelan takaful kenderaan persendirian yang dikeluarkan oleh Syarikat Insurans/Pengendali Takaful melalui cawangan Bank atau AmOnline semasa Tempoh Kempen, termasuk pembelian dan pembaharuan, dengan premium /sumbangan kasar (tidak termasuk Duti Setem dan Cukai Perkhidmatan) minimum Ringgit Malaysia Empat Ratus Lima Puluh (RM 450).
- 4.2 Urus niaga melalui AmOnline hanya terpakai untuk pembelian/pembaharuan pelan insurans kenderaan persendirian sahaja. Pelanggan dinasihatkan untuk mengunjungi cawangan Bank bagi pembelian/pembaharuan pelan takaful kenderaan persendirian.
- 4.3 Setiap polisi insurans/ sijil takaful yang layak berhak mendapat **Satu (1) e-Baucar Setel** bergantung kepada premium /sumbangan kasar polisi insurans/ sijil takaful (tidak termasuk Duti Setem dan Cukai Perkhidmatan) seperti yang ditetapkan dalam Jadual 1 di bawah, yang hanya sah untuk penggunaan Petrol & Diesel sahaja.

Jadual 1

Premium /Sumbangan Kasar (tidak termasuk duti setem dan cukai perkhidmatan)	Nilai e-Baucar Setel
RM 450 - RM 649	RM 10
RM 650 - RM 1,499	RM 50
RM 1,500 & Ke atas	RM 100

- 4.4 Pembatalan atau Pengendorsan yang dilakukan semasa Tempoh Kempen **tidak** layak untuk Kempen ini.
- 4.5 Kod e-Baucar Setel akan diedarkan melalui notifikasi SMS seperti yang ditetapkan dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 2

Tempoh Pengeluaran Insurans/Pelan Takaful Kenderaan	Notifikasi SMS e-Baucar Setel pada
1 Oktober 2021 – 31 Oktober 2021	31 Disember 2021

- 4.6 e-Baucar Setel tidak boleh ditukar ganti dengan tunai atau sebarang bentuk mata wang sah.
- 4.7 Tarikh sah e-Baucar Setel akan dikongsi melalui notifikasi SMS.
- 4.8 Walau apa pun yang dinyatakan di sini, Bank berhak untuk menggantikan e-Baucar Setel dengan salah satu jenis item yang serupa, dengan nilai runcit yang setara, menurut budi bicaranya dengan memberikan Notis Terdahulu sekurang-kurang empat belas (14) hari kalendar.

5. Terma dan Syarat Umum

- 5.1 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Pelanggan Yang Layak membenarkan dan bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat di sini. Pelanggan Yang Layak dikehendaki untuk log masuk ke laman sesawang rasmi Bank di <http://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions> untuk mengetahui sebarang kemas kini Promosi atau terma dan syarat terkini, jika ada.
- 5.2 Pelanggan Yang Layak dikehendaki untuk menandatangani semua dokumen standard Bank yang berkaitan dan mematuhi semua terma dan syarat berhubung produk-produk yang berkaitan di bawah Kempen ini, yang berasingan daripada terma dan syarat ini.
- 5.3 Bank berhak untuk membatalkan mana-mana Pelanggan Yang Layak daripada mengambil bahagian dalam Kempen ini sekiranya Bank mendapati atau menentukan bahawa:
 - 5.3.1 Pelanggan Yang Layak tersebut telah memberikan maklumat tidak benar atau bertindak menipu dalam sebarang cara semasa proses kemasukan atau pada bila-bila masa dalam Tempoh Kempen; atau
 - 5.3.2 Pelanggan Yang Layak telah melanggar atau berpotensi untuk melanggar terma dan syarat di sini.
- 5.4 Kempen ini tidak sah dengan kempen-kempen lain oleh Bank. Oleh itu tiada promosi istimewa lain akan diberikan di bawah Kempen ini.
- 5.5 Bank berhak untuk mengubah, meminda, memadam atau menambah kepada mana-mana terma dan syarat yang dinyatakan di sini, keseluruhan atau sebahagian

daripadanya dari semasa ke semasa termasuk untuk mengubah Tempoh Kempen dengan memberikan Notis Terdahulu. Bagi mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen ini oleh Bank tidak memberikan Pelanggan Yang Layak hak untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank untuk sebarang dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Yang Layak secara langsung atau tidak langsung akibat pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.

- 5.6 Sebarang notis yang dikeluarkan oleh Bank akan dipaparkan di laman web rasmi Bank di www.ambank.com.my atau mana-mana cawangan Bank dan notis yang sedemikian akan dianggap sebagai telah disampaikan dan dimaklumkan kepada Pelanggan Yang Layak.
- 5.7 Keputusan Bank ke atas semua perkara berkaitan Kempen adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pelanggan Yang Layak. Sebarang surat-menyurat atau rayuan selanjutnya tidak akan dilayan.
- 5.8 Bank tidak akan dipertanggungjawabkan dalam sebarang keadaan ke atas mana-mana yang berikut:
- 5.8.1 Pihak Bank tidak akan dipertanggungjawabkan ke atas sebarang keingkaran berhubung Kempen ini akibat sebarang bencana alam, peperangan, rusuhan, mogok, penyekatan, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut taufan, kegagalan teknikal atau sistem atau sebarang peristiwa yang berlaku di luar kawalan munasabah pihak Bank.
- 5.8.2 Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap mana-mana Pelanggan Yang Layak di atas sebarang kerosakan dalam apa-apa bentuk sekalipun atau kehilangan yang dialami (seperti nama baik, punca pendapatan, keuntungan atau akibat, secara langsung atau tidak langsung, contoh, sampingan, punitif atau ganti rugi khas) walau bagaimana sekalipun timbul berhubung penyertaan dalam Kempen, atau apabila Bank melaksanakan hak-haknya bagi menjalankan mana-mana Terma dan Syarat ini kecuali di mana tindakan, tuntutan, kerugian langsung, kerosakan dan perbelanjaan sedemikian adalah disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau, keingkaran sengaja atau penipuan Bank.
- 5.9 Versi Bahasa Inggeris bagi Terma dan Syarat ini boleh didapati di <https://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions>. Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan atau konflik dalam tafsiran terma dan syarat ini, versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia bagi setiap Terma dan Syarat ini hendaklah dianggap sebagai serupa, dan setiap terma dan syarat yang ditetapkan akan membawa maksud yang sama.
- 5.10 Semua soalan berkenaan pembentukan, kesahan, penguatkuasaan dan taksiran terma dan syarat yang ditetapkan di sini hendaklah ditadbir, ditafsir dan dikuatkuasakan menurut undang-undang Malaysia. Pihak-pihak yang terlibat dengan ini tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia bagi tujuan sebarang tindakan saman, tindakan atau lain-lain prosiding yang timbul daripada atau berdasarkan terma dan syarat di sini.
- 5.11 Untuk sebarang bantuan dan/atau maklum balas berkaitan Kempen ini, Pelanggan Yang Layak boleh menghubungi Pusat Panggilan Bank dari 7.00 pagi hingga 11.00 malam (8.00 pagi hingga 8.00 malam semasa tempoh PKP) setiap hari dengan menelefon 03-2178

8888 atau menghantar e-mel untuk pertanyaan/maklum balas kepada customercare@ambankgroup.com.